

SIARAN MEDIA

KPKT UMUM PERUNTUKAN RM13 JUTA BAGI PROJEK NAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN DI BAWAH MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN DAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN, 8 Mei 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM13 juta kepada Majlis Bandaraya Seremban dan Kerajaan Negeri Sembilan dalam lawatan kerja beliau ke Seremban hari ini. YB KM telah mengadakan sesi lawatan ke Pasar Besar Seremban, Padang Lobak, Rumah Pangsa Jalan Tun Dr. Ismail, Pasar Ampangan serta Kampung Baru Cina Mambau bagi meninjau kemudahan asas dan keperluan berkaitan bagi setiap lokasi tersebut.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini meliputi 38 projek. Antaranya adalah seperti berikut;

- 1. Menaiktaraf dan penyelenggaraan balai-balai bomba di Negeri Sembilan;**
- 2. Penyelenggaraan Bangunan Pasar Besar Seremban;**
- 3. Menaiktaraf Dataran Lobak dan kerja-kerja berkaitan;**
- 4. Penyelenggaraan Rumah Pangsa Tun Dr. Ismail (Templer);**
- 5. Penyelenggaraan Pasar Rasah Jaya;**
- 6. Penyelenggaraan Kompleks Penjaja Jalan Lee Sam;**
- 7. Penyelenggaraan Bazaar Jalan Lee Sam; dan**
- 8. Penyelenggaraan Pangsapuri Taman Bahau Indah.**

Menurut YB KM, “Penyaluran peruntukan berjumlah RM13 juta ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan yang selesa kepada masyarakat setempat bagi merencanakan lagi ekonomi dalam usaha menjayakan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (*Sustainable Development Goals* – SDGs). Selain itu, ia juga merupakan usaha untuk mewujudkan penempatan perumahan awam yang kondusif dan selamat untuk didiami.”

Tambah beliau, “Peruntukan yang disalurkan ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi mengelakkan pembaziran, pemborosan dan ketirisan dalam perbelanjaan negara. Ini penting bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan yang juga merupakan Ahli Parlimen Seremban; YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali@Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; ketua jabatan peringkat negeri dan daerah serta pegawai-pegawai kanan Majlis Bandaraya Seremban.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan yang mampan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

